

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELUARAN 12/2021 BIL. 13

Inspirasi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
جامعة التعليم سلطان ايدريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSI
No. 1
PENDIDIKAN



PERABAI
SERTAJARAN
PENDIDIKAN
MULUT 1971-2021
100
Tahun

SITC • MPPI • UPSI • UPSA • 1971-2021



Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan
tiga bulan sekali

Keluaran 12/2021 Bil. 13

Disember 2021

ISSN -117-8187

SIDANG EDITORIAL

Dr. Mohd Izwan bin Shahril
Dr. Ghazali bin Din
Dr. Siti Zubaidah binti Mohd. Ariffin
Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar
Marini binti Masdar
Ramli bin Mosmin
Datin Norhayati binti Hood
Sajaratul Nor binti Kasim
Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

WARTAWAN

Dr. Ghazali bin Din
Ramli bin Mosmin
Sajaratul Nor binti Kasim
Nurul Hafizan binti Abdul Rahman
Mohd Nazirul Afiq bin Ismail

JURUFOTO

Fisol bin Ahmad
Shahidah binti Abu Hassan
Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

REKA BENTUK KULTI

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak

Emel: ccd@upsi.edu.my

Tel: 05-450 6661

©HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian
dalam penerbitan majalah ini tidak boleh didulang
cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama
ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman
atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis
daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti
Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوسونسي االدينيون سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



Logo UPSI berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.



Bangunan Suluh Budiman dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



Garis lengkung di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



Warna emas cerah melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

فتراجو كبيتاران فتدديقن

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Institut pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Bertemu buat pertama kalinya dalam ruangan ini adalah sesuatu yang sangat mengujakan terutamanya pada waktu wabak Covid-19 yang melanda bukan hanya di negara kita, bahkan di seluruh dunia sejak dua tahun ini. Ini menyebabkan pertemuan dan aktiviti yang biasa dilaksanakan secara bersama dan sering bertemu menjadi sangat terbatas.

Melalui medan ini berlakunya penjenamaan semula penerbitan Majalah Inspirasi, saya amat berharap agar semua warga UPSI tidak mengira pihak pengurusan tertinggi, para akademia, pentadbir, pelajar dan staf pelaksana dapat dilibatkan untuk sama-sama menjadi sebahagian daripada keluarga besar UPSI yang mempunyai peranan masing-masing dalam membantu menaikkan nama UPSI di peringkat tempatan dan di peringkat

antarabangsa. Melalui perkongsian pengalaman beberapa individu dalam majalah ini diharapkan akan memberikan sedikit inspirasi kepada kakitangan dan pelajar untuk sama-sama berjaya seperti mereka dan menjadikan pengalaman mereka sebagai panduan dalam kehidupan kita.

Kita juga bakal memasuki alam tahun baru 2022 tidak lama lagi, pastinya setiap daripada kita mempunyai azam tersendiri yang bukan sahaja akan memberikan kesan baik kepada diri sendiri tetapi akan turut memberi kesan kepada organisasi yang sedang kita berkhidmat sekarang ini. Tahun 2022 juga merupakan tahun yang amat penting dan mungkin menjadi tahun yang sangat sibuk buat warga kerja dan seluruhnya kerana bakal menyambut hari penuh bersejarah ke-100 tahun penubuhannya pada 29 November 2022. Oleh itu, setiap kakitangan dan pelajar mempunyai peranan masing-masing untuk menjadikan sambutan ini satu sejarah yang gilang-gemilang dan akan dikenang oleh mereka yang menggantikan kita selepas ini. Ini bermakna kita semua bertanggungjawab agar sambutan ini berjalan lancar dan berjaya.

Akhir kata daripada saya, selamat membaca dan kami daripada pasukan editorial sangat mengalu-alukan

sekiranya terdapat cadangan dan pandangan yang positif untuk meningkatkan mutu, keterlihatan dan lain-lain berkaitan penerbitan buletin ini pada masa akan datang. Teruslah memberikan sokongan demi UPSI tercinta. Sekian.



PM. DR. MOHD IZWAN SHAHRIL

Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff, alumni yang pertama dilantik menjadi Naib Canselor UPSI

YBhg. Prof.Dato' Dr. Md Amin Md Taff

merupakan Naib Canselor yang pertama dilantik dalam kalangan Alumni. UPSI amat bertuah kerana buat pertama kalinya jawatan utama ini dilantik daripada bekas pelajaranya sendiri. Beliau yang dilahirkan di Muar, Johor mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains Sukan dengan jayanya pada tahun 2000. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran peringkat sarjana di University of Otago, New Zealand dan kemudiannya Ijazah Doktor Falsafah di UPM. Sebelum melanjutkan pelajaran di UPSI, beliau merupakan guru sekolah rendah di beberapa buah sekolah. Selepas menamatkan pelajaran peringkat

ijazah sarjana muda, beliau menjawat beberapa jawatan pentadbiran sehingga dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI pada tahun 2017, selain menjalankan fungsi Naib Canselor UPSI.

Beliau turut menyumbang kepakaran dan juga memaparkan kredibiliti kepemimpinan melalui lantikan sebagai pakar rujuk dan ahli panel kesepakaran oleh pelbagai agensi termasuk lantikan oleh Jemaah Menteri Malaysia sebagai Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Insiden Bomba Lemas.

Di peringkat antarabangsa, beliau pernah diberikan tanggungjawab sebagai Pengarah Pejabat Education Malaysia Washington DC, Amerika Syarikat, iaitu pejabat Education Malaysia terbesar di dunia.

Sebagai Naib Canselor yang baharu dilantik, teras berat tanggungjawab yang akan dipikul sepanjang pelantikan ini. Saya amat mengharapkan semua rakan-rakan tidak mengira pangkat dan jawatan yang disandang untuk sama-sama membantu saya memacu UPSI ke arah yang lebih

gemilang tanpa tersasar dari landasan yang asal.

Saya, sebagai Alumni UPSI, anak kampung yang diberikan masa depan yang tidak terjangkau oleh Universiti yang bertuah ini, berjanji, berikrar dan beriltizam bahawa Insya-Allah saya akan menunaikan amanah ini dengan baik. Saya memohon bantuan, sokongan serta kerjasama daripada semua sahabat-sahabat untuk membantu saya.

Saya memohon ampun dan maaf sekiranya ada kesalahan dan kesilapan yang tidak sengaja saya lakukan sepanjang memegang amanah ini kerana ada masa-masanya saya terpaksa memakai topi Naib Canselor. Namun percayalah, saya masih Amin, Encik Amin, Doktor Amin yang lama. Saya akan sentiasa ingat di mana saya berdiri dan di mana saya dibesarkan dan di mana saya dilahirkan sebagai seorang insan. Marilah kita sama-sama berkorban demi UPSI yang bersejarah lagi bertuah ini. Insya-Allah, jom sama-sama kita laungkan "DEMI UPSI", selagi hayat dikandung badan, kami tetap bersama."



Inspirasi Keluaran ini

Inspirasi Pentadbir

Pendaftar UPSI telah berkongsi pengalaman semasa beliau memulakan perkhidmatan di UPSI dan kemudiannya turut sama-sama merealisasikan hasrat UPSI ke arah kecemerlangan.

10



Inspirasi Akademia

Lahir sebagai anak kampung dengan kesukaran ibunya yang secara sendiriin membesarkan Dr. Jaffry hingga menjadi manusia, memberikan inspirasi buat anak muda lain yang ingin mengesap kejayaan.

14



Eksplorasi Mualim

Keluaran kali ini telah memfokuskan Sarang Art Hub yang diuruskan oleh Sutradara terkenal Mamat Khalid sebagai daya tarikan untuk mengunjungi pekan kecil Tanjong Malim.

18



Warisan Ibu Kandung

Perpustakaan UPSI yang dinamakan Perpustakaan Tuaku Bainun merupakan antara Pusat Tanggungjawab yang terawal ditubuhkan di UPSI yang menjadi tempat rujukan masyarakat setempat.

22



Inspirasi Orang Lama

Ellan Koualan berkongsi pengalaman pahit manis sepanjang perkhidmatan merentasi tiga era MPSI, IPSI dan UPSI. Pengalaman ini seharusnya menjadi panduan kepada kakitangan baharu.

26



Lain-lain

30


Zul Fikri berazam mencari solusi terhadap masalah dalam kalangan pelajar sekali gus ingin memperjuangkan suara mahasiswa mengikut landasan yang benar berlandaskan konsep "Jalan Perdanaian".

34

Persepsi negatif dan dipandang rendah terhadap kerja penternakan yang tidak glamor, Apiz buktikan mampu berjaya dalam dunia penternakan lembu dan kambing biri-biri.

38

Menjiwai sukan sehingga sanggup mengeluarkan modal yang besar dan mencurahkan tenaga serta keringat dalam sukan berbasikal demi mewakili UPSI tanpa mengharapkan imbuhan.



Ingin melihat kesatuan dalam kesatuan sekerja yang merangkumi PEKA, PRESTASI, KPA dan PEWARIS



Oleh
Saizatul Nor Binti Kasim
sazatul@upsi.edu.my

Pendorong Kejayaan

Dorongan keluarga, khususnya isteri saya merupakan watak penting kepada kejayaan saya pada hari ini. Ini kerana pada awal kerjaya, saya dan isteri tinggal di Bukit Beruntung dan kami berulang-alik ke tempat kerja masing-masing, di mana saya ke utara iaitu Tanjong Malim dan beliau ke arah selatan

di Taman Tun Dr. Ismail dan kami berulang setiap hari sehinggalah kelahiran anak yang pertama pada tahun 2002. Beliau kemudiannya berhenti kerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa.

Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan dan ketua-ketua saya. Alhamdulillah sepanjang kerjaya dari awal hingga kini, saya dimurahkan rezeki untuk bekerja, mengenal dan berdepan dengan pihak pengurusan tertinggi (pada ketika itu), seperti Timbalan Pendaftar Dato' Rusley Taib dan Pendaftar Encik Sayuti Sahlan, Encik Yusof Semahil, Naib Canselor pertama dan kedua, Dato' Dr. Ashari Che Mat dan Prof. Emeritus Dato' Wira Ir. Dr Md. Noor Salleh.

Pada zaman inilah saya banyak belajar dan merasai pelbagai pengalaman di bawah pimpinan Naib-naib Canselor. Yang paling saya ingati, saya telah diberikan KPI untuk mengeluarkan artikel di akhbar sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Mengimbas liku-liku yang dilalui sehingga dirinya kini mampu menjadi seperti ini, En. Helmi berkata, pada waktu itu dirinya tidak mempunyai pasukan Media, Protokol, mahupun jurufoto untuk membantu melaksanakan KPI yang diberikan.

"Sayalah yang menguruskan semuanya pada masa itu. Bak kata orang putih, *Jack of all Trade*. Jadi apa yang saya buat, pada setiap minggu, saya akan ambil satu hari untuk turun ke Kuala Lumpur dan menuju ke semua agensi media menjalinkan hubungan kerana pada waktu itu saya tidak mempunyai kroni dan tiada hubungan erat dengan mana-mana wartawan. Saya bermula dari kosong. Buat permulaan, saya pergi ke semua media, The Star, TV3, RTM, Berita Harian, NSTP, Utusan, Kosmo dan lain-lain. Alhamdulillah seiring waktu UPSI dapat menjalinkan hubungan yang erat dengan pihak media sehingga mampu keluaran artikel sama ada di akhbar mahupun *online*.

"Saya juga amat bersyukur kerana dapat mengenal rapat pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua Pusat Tanggungjawab di UPSI pada waktu itu kerana tugas yang diberikan pada saya telah membentuk jati diri saya pada ketika ini. Ini kerana ketika saya membesar saya adalah seorang

yang pemalu. Kerana tuntutan kerja di Perhubungan Awam yang memaksa saya untuk begitu, jadi saya pun begitu lah," jelas beliau.

Tambah Encik Helmi, ada satu peristiwa beliau pernah dicampakkan fail oleh seorang ketua. Beliau meminta saya untuk mengeluarkan minit mesyuarat selepas tempoh tiga hari mesyuarat dan saya cakap saya akan buktikan dan selepas saya berjaya buktikan, beliau sudah tidak ada komen dan tidak lagi marah dengan saya. Bagi saya beliau ingin mengajar saya. Justeru, saya perlu menyangkut itu sebagai cabaran dan membuktikan saya mampu melakukannya.

"Semasa saya di BSM, saya juga mendapat pelbagai pengalaman baharu. Saya bukanlah seorang rajin membaca tetapi apabila saya menjaga perkhidmatan saya perlu mengulang kaji dan menyemak pelbagai pekeliling dan peraturan dasar. Mahu atau tidak saya perlu mengambil maklum semua perkara tersebut sekali guna membuatkan saya arif tentang perkhidmatan yang ada dan ini amat membantu dan memudahkan saya apabila saya ditugaskan di Bahagian Governan yang menekankan dasar dan peraturan. Selain itu, mantan ketua-ketua saya juga banyak membantu dan memberi tunjuk ajar," katanya.

PERSPEKTIF MENGENAI UPSI DAHULU DAN KINI

"Saya ada dua perspektif. Yang pertama, Alhamdulillah UPSI kini semakin berkembang, maju dan gemilang. Antara perkaranya, saya rasa kita

tidak pernah duduk dalam satu keadaan yang sama, kita sentiasa mencuba untuk memajukan diri kita (UPSI). Kita boleh lihat kemajuan-kemajuan ini. Bermula dari Naib Canselor pertama, Dato' Ashaari, beliau dari Kementerian Pendidikan dan merupakan bekas Pengetua. Jadi fokus dan wawasan beliau adalah untuk memajukan bidang pendidikan dan perguruan di UPSI.

Naib Canselor Kedua, iaitu Prof. Emeritus Dato' Wira Ir. Dr. Md. Noor adalah seorang jurutera dan sebelum menjadi Naib Canselor, beliau adalah Naib Canselor di Universiti Utara Malaysia. Beliau membawa pembangunan di UPSI. Pada era beliau kita telah mula membuat pecah tanah untuk Kampus Sultan Azlan Shah di Proton City. Beliau adalah bapa pembangunan UPSI.

Saya mempunyai satu prinsip iaitu jika ada orang tanya saya, "Mie kau sibuk ke? Mie, jadual kau penuh ke? Jawapan saya adalah saya tidak sibuk, tak pernah sibuk. Kerana kalau saya kata sibuk, Tuhan akan jadikan saya sibuk dan alhamdulillah sesibuk manapun saya, saya masih ada masa untuk diluangkan dengan sesiapa sahaja kerana pada saya masa saya, masa semua orang adalah sama, 24 jam sehari. Tidak ada orang yang dapat lebih masa pun. Jadi itulah cara kita mengawal masa kita.

Jelas beliau lagi, pada zaman Naib canselor kedua, beliau hanya mempunyai lima orang kakitangan sahaja. Namun perkara yang baik pada masa itu adalah, beliau mempunyai sokongan daripada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama

memulakan kerjaya di UPSI.

"Antaranya, Haji Fauzi, Harizal, Ghani, arwah Yusmin, Juraimi dan lain-lain. Mereka inilah yang menjadi team saya. Bak kata arwah Yusmin, kami adalah team WAWASAN. Kami akan bermesyuarat di mana-mana sahaja dan pada waktu minum pagi pun kami akan duduk bersama-sama berbincang. Kami lakukan secara *'under ground'* kerana kami dari lain-lain Pusat Tanggungjawab dan saya tidak boleh mengajak mereka untuk hadir bermesyuarat kerana saya bukanlah Ketua Jabatan. Dan team inilah yang banyak membantu saya kerana tidak mungkin saya dapat melakukan semuanya seorang diri.

Selain itu, team yang turut menolong saya adalah penyambut tetamu yang terdiri dari kalangan pensyarah, di mana pada waktu itu Prof. Madya Dr. Husni adalah ketuanya, Prof. Madya Dr. Haniza Hanim, Dr. Wan Mazlini dan ramai lagi. Saya rasa rezeki dan beruntungnya saya adalah kerana kami dahulu adalah dari satu *batch* kursus Induksi dan itulah yang menjadikan hubungan kami akrab dan erat. Jadi sebab itulah bila-bila masa sahaja kami akan saling membantu.

Dalam keadaan ranking dan pencapaian kita yang kian meningkat. Saya akui kita sudah menunjukkan prestasi yang bagus, cuma rasa-rasa kita kurang fokus. Pada awal-awal dahulu, *niche* UPSI adalah perguruan namun apabila berlaku pertukaran tampuk pemimpin negara, kita turut mengalami perubahan kerana sudah pasti kementerian

mempunyai hala tuju yang tersendiri. Jadi kita di peringkat UPSI ini akan mengalami gangguan kerana kedudukan kita antara dua iaitu Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Akhirnya apa yang berlaku kita jadi kedua-duanya. Kedudukan kita sekarang adalah 60/40 atau 65/35 pendidikan dan bukan pendidikan.

Dalam Pendidikan kita masih ada ruang untuk melakukan penambahbaikan. Antara perkara yang kita boleh buat dan kita sedang buat adalah kerjasama antara fakulti-fakulti di UPSI. Ini sekali gus membuka lebih banyak peluang untuk penyelidikan, penerbitan dan juga apa yang kita ingin capai dalam bidang pendidikan. Dan inilah sebenarnya kekuatan kita. Cuma ada sedikit kelemahan berbanding pada tahun saya mula bekerja iaitu hubungan. Ini kita perlu perbetulkan semula kerana ia nampak terpisah antara kakitangan akademik dan bukan akademik.

Cabaran utama saya sebagai pendaftar, saya ada kekuatan dan amanah yang boleh saya laksanakan iaitu mengeratkan semula hubungan itu. Alhamdulillah hubungan saya dan ketua-ketua akademik tidak mempunyai masalah dan dalam konteks ini saya dapat rasa perhubungan itu, cumanya di peringkat bawahan saya belum lagi dapat bersama. Insyallah tahun depan saya ingin untuk mengadakan *family day* yang akan menggabungkan semua ahli kesatuan iaitu PEKA, PRESTASI, KPA dan Pewaris dan jika diizinkan saya menyasarkan gabungan semua kesatuan

ini dalam satu konsortium. Jadi jika berlaku sesuatu, kita boleh laksanakan ia di semua peringkat contohnya Prestasi buat baju korporat, jadi KPA juga boleh buat.

HARAPAN DAN HASRAT SEMPENA ULANG TAHUN SITC, MPSI, IPSI, UPSI

"Hasrat saya yang utama sebahagianya sudah ke arah tersebut, iaitu dari segi pengiktirafan. Ranking ini bukan sekadar nombor tetapi pengiktirafan. Apabila kita buat sesuatu dan kita rasa kita bagus, tetapi tiada pihak yang menilai kita bagus. Apabila kita masuk ranking Top Education University in Asia, ini menunjukkan kita sudah ada pengiktirafan. Yang keduanya, saya rasa kita sudah boleh bergerak ke arah pengantarabangsaan kerana ia juga memainkan peranan dalam ranking. Pensyarah antarabangsa kita tidak ramai, pelajar antarabangsa kita juga masih dalam medan Asian iaitu Indonesia. Justeru, kita kini menyemak semula ranking universiti-universiti dari Indonesia jika ingin melakukan MoA, MoU pada masa akan datang.

Hasrat kedua, saya ulang sekali lagi, saya ingin mengeratkan hubungan. Satu benda yang saya ingin buat dan saya bangga kerana kini sudah dilaksanakan ialah menawarkan kelas bahasa ketiga iaitu bahasa Jepun dalam kalangan kakitangan dan saya teruja apabila iklan dibuka pada keesokan harinya iklan tersebut sudah ditutup. Ini menunjukkan permintaan adalah tinggi dan mungkin pada masa akan datang kita akan tawarkan

kursus bahasa Korea pula. Ada juga kekurangan terutamanya dalam kalangan kakitangan sokongan. Bukan kerana mereka tidak boleh menjalankan tugas tetapi kerana menghadapi kekangan dari segi kemudahan. Dalam kalangan pensyarah pula mereka mampu melaksanakan sepenuhnya BDR dan PDP dapat berjalan seperti biasa”.

CABARAN TERBESAR KETIKA MENGALAS AMANAH SEBAGAI PENDAFTAR

Cabaran terbesar saya adalah Perintah Kawalan Pergerakan. Cuma mungkin saya ada petunjuk semasa saya menjalankan tugas sebagai Pendaftar pada 16 Jun 2020. Saya ada satu stigma mengatakan ‘senang la jadi Pendaftar semasa pandemik, sebab staf tak ada, rupanya menjadi Pendaftar pada zaman pandemik adalah lebih mencabar.

Contoh paling mudah adalah masa. Sebelum pandemik, boleh dikatakan hampir setiap hari saya akan keluar kawasan untuk menghadiri mesyuarat. Semasa pandemik pula saya tak boleh keluar kawasan tetapi saya masih perlu menghadiri mesyuarat dengan pendaftar universiti-universiti awam, dengan pihak Kementerian dan agensi-agensi luar, menghadiri MoU, serta majlis-majlis rasmi. Tetapi semua majlis tersebut boleh diadakan secara webinar atau secara atas talian. Banyak masa dapat dijimatkan. Dalam masa 30 minit majlis sudah selesai. Selain itu, saya juga dapat menghadiri enam mesyuarat dalam masa satu hari.

Jika sebelum ini, semasa keluar kawasan saya dapat berehat sedikit semasa dalam perjalanan atau semasa menunggu majlis berlangsung. Tetapi pada zaman pandemik ini, boleh dikatakan saya tidak sempat berehat kerana saya hanya perlu duduk di depan laptop untuk memenuhi semua majlis dan kalau ada mesyuarat pun pada waktu malam pun ia tetap boleh dijalankan. Pada sesi akhir temu bual, En Helmi memaklumkan, jika ada kakitangan yang ingin berjumpa dengan beliau, sama ada untuk berbincang atau berbual bagi menyelesaikan sebarang pekerluan, dirinya mengalu-alukan sesiapa sahaja untuk ke pejabatnya pada waktu pagi jam 8.30 atau pada waktu petang jam 5.00 hingga 6.30 petang sebagai ganti masa ketika waktu beliau tiada di pejabat.

HASRAT KEPADA SELURUH WARGA UPSI

Ada peribahasa orang putih, saya bahasa Melayukan “Engkau ada kelemahan aku cover, aku ada kelemahan, engkau tolong cover, jika kita kedua-duanya ada kelemahan, kita tawakal kepada Allah dan Insyaa-Allah akan membantu. Jadi, harapan saya kepada kakitangan, jangan susah hati kerana kita bukannya sempurna. Jika kita mempunyai masalah, akan ada orang bantu untuk memperbetulkannya. Saya tidak lagi mahu kakitangan akademik hanya dengan kelompok akademik sahaja sebaliknya bergaul dengan Skim kakitangan UPSI yang lain. Yang keduanya, komunikasi. Kalau tidak pasti, kita perlu bertanya. Contohnya, macam nada saya adalah keras, tapi mungkin

juga saya tengah bergurau. Jadi kalau kita tidak pasti, sila bertanya. Jangan membuat apa-apa kesimpulan kerana kita hidup pada zaman yang mempunyai bermacam-macam media dan teknologi. Saya tidak pernah membuat apa-apa *posting* di media sosial saya kecuali ucapan selamat hari lahir kerana saya takut orang akan menyalah anggap. Saya juga jarang berkongsi apa-apa *posting*. Pada saya jika ada hal-hal penting adalah lebih baik kita bercakap kerana ia lebih mudah.

Yang penting kita jangan tulis sesuatu yang marah kepada seseorang kerana ia akan melekat sampai bila-bila. Walau pun kita marah seseorang dan kita tulis secara berlapik, tetapi orang yang tahu itu akan tahu juga jadi akan mengeruhkan lagi keadaan, bukannya memperbetulkan keadaan.

“Ambil upah cuci longkang & kerja bendang demi nak sara persekolahan saya”

– Dr. Jaffry dedah kesempitan hidup didik diri jadi orang



Oleh

Mohd Nazrul Afiq bin Ismail
nazrul.ismail@ups.edu.my

Pertemuan kali pertama dengan personaliti yang menghiasi ruangan Inspirasi Akademi pada kali ini, memacu penulis kepada suatu perbualan panjang tentang erti kehidupan. Insan tinggi lampai berkulit hitam manis ini merupakan seorang figura, pensyarah kanan, juga Dekan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) UPSI yang baru dilantik pada

bulan Ogos 2021 yang lalu. Berasal dari Tambun Tulang, Perlis, Dr. Jaffry Zakaria, titian perjalanan hidupnya penuh getir sejak zaman kanak-kanak lagi.

Jarang mahu bercerita kisah peribadi buat tatapan umum, namun bekas atlet kanu kebangsaan ini tidak lokek berkongsi secara ringkas kisah hidupnya bersama penulis, untuk dijadikan tatapan inspirasi pembaca.

“Saya dilahirkan bukan daripada keluarga senang,

sejak kecil lagi kedua ibu bapa saya telahpun berpisah, lebih menyedihkan seawal berusia enam tahun ibu telah pergi dahulu menghadap Illahi,” cerita anak kedua daripada empat orang adik beradik ini. Usia enam tahun jika ditanya, tentulah belum puas menikmati kasih sayang ibu. Sudah nasib, mahu atau tidak, maka nenek dan datuk pula yang menggalas tanggungjawab membesarkan keempat-empat beradik ini seadanya.

Tidaklah sesempurna insan lain yang dapat mengadu nasib dan merintih kasih pada ayah dan ibu, namun beliau amat bersyukur dan beruntung masih mempunyai keluarga yang mahu membela nasib mereka. Bapa-bapa saudara turut sama mahu membantu, sedikit sebanyak memberi dorongan dan panduan tentang kehidupan. "Mengimbas kembali ketika hari pertama mendaftar masuk sekolah darjah satu, itulah kali pertama Tok Wan hantar saya ke sekolah. Hari-hari seterusnya, pandai-pandailah usaha sendiri bagaimana hendak sampai ke sekolah," ceritanya lanjut.

CARI NAFKAH BANTU KELUARGA DARI BANGKU SEKOLAH

Kehidupan di kampung banyak mengajar beliau memahami keperluan hidup dan belajar berdikari. Sejak di bangku sekolah lagi, Dr. Jaffry terdidik untuk membantu keluarganya mencari nafkah dengan mengerjakan sawah padi. Seawal usia sepuluh tahun beliau sudah mula membanting tulang mengerjakan sawah bendang, melakukan pelbagai urusan seperti memikul baja, menyemai benih, menuai dan memotong padi yang menjadi antara rutin hariannya. Bermandi peluh di bawah cahaya terik matahari

dengan selutan lumpur dah jadi lumrah. Hasil daripada jualan padi setiap hujung bulan itulah digunakan sebagai belanja dapur seisi rumah. Selain bekerja sawah bendang, beliau turut mengambil upah melakukan kerja-kerja kampung seperti mengorek longkang, mengecat rumah dan apa saja kerja yang boleh mengisi kantung poketnya untuk dibuat belanja persekolahan atau membeli air sirap pelepas dahaga seharian bekerja.

"Bekerja di tengah bendang yang luas, bersendirian sambil ditemani hiruk-pikuk bunyi enjin mesin pembajak sawah KUBOTA, hati saya mula terdetik, 'Sampai bila aku perlu terus hidup begini dan sampai bila harus aku 'tunggang' kerbau besi ini? Sejak itu saya menanam azam dan tekad untuk keluar daripada kepompong hidup yang susah ketika itu, "Saya masih ingat kata-kata guru saya di sekolah, "A day by day, you must be better in each day". Dalam setiap hari, kita mesti pastikan akan ada kemajuan pada setiap hari mendatang. Kata-kata guru besar yang juga guru Bahasa Inggeris kami itu telah menjadi kunci kepada pegangan hidup saya hinggalah hari ini," ujarnya. Tamat peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, Dr. Jaffry mengintai peluang untuk menyambung pengajian dalam bidang kemahiran Automotif di sekolah

Vokasional. Namun, sebagai anak desa yang telah sebat dengan kehidupan sungai terletak di hadapan rumah, rezeki beliau meninar sebagai atlet kanu peringkat negeri sejak berumur 17 tahun. Sebaik saja dapat mencipta peluang dalam bidang ini, Dr. Jaffry tidak memandang ke belakang lagi.

Beliau melanjutkan pengajian Sains Surkan di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya pada tahun 2004. Selepas tamat pengajian, beliau mengorak langkah membina kerjaya pertama di Perbadanan Putrajaya. Dijadikan cerita, tiba hari terima gaji pertamanya, Dr. Jaffry meraikan nenek yang disayanginya dengan keluar belanja makan. Hatinya cukup girang, berkat rezeki gaji pertama dapat dikongsi dengan insan yang paling disanjunginya itu.

Bagaimanapun, apa yang lebih menyayat hati, tidak lama selepas hari yang menggembirakan tersebut berlalu, nenek telah pergi buat selama-lamanya. "Ketika saya berumur belasan tahun lagi, nenek sudah jatuh sakit. Ketika itu juga, kamilah yang menguruskan nenek serba serbi. Namun, sebelum peninggalannya, saya masih ingat pesan arwah, jika saya dapat (kerja) lebih (baik) daripada Pak Anjang dan Pak Teh, sudah cukup bertuah," tambahnya

lagi. Mungkin ketika itu juga, segulung ijazah sudah digenggam, nenek sudah nampak sedikit sinar sebelum pergi ke negeri abadi.



PENGURUSAN ACARA TIDAK SUAI DENGAN JIWA, UPSI DI HATI

"Ketika saya bertugas di Perbadanan Putrajaya, jiwa saya seakan tak sehati dengan bidang pengurusan acara. Maka, bermulalah kisah kerjaya saya di UPSI sebagai seorang tutor sekitar tahun 2006 walaupun kisahnya dua kali mohon sebelum diterima Fakulti Sains Sukan," ceritanya. Mahu mencari tapak kukuh sebagai seorang ahli akademik, Dr. Jaffry pada masa yang sama

mengorak langkah melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam pengajian Pengurusan Taman dan Rekreasi tahun 2012 di Universiti Putra Malaysia (UPM) seterusnya melanjutkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengurusan Sukan tahun 2014. "Sebagai pemegang biasiswa berjawatan pensyarah sementara sekali gus memberi tekanan kepada saya untuk menamatkan pengajian PhD dengan secepat mungkin. Maklumlah, terma jawatan sementara ini terbatal sekiranya saya gagal menghabiskan pengajian dalam masa yang ditetapkan. Jika saya terkandas, siapa yang akan tanggung yuran pengajian, tiada sesiapa yang dapat membantu saya, keluarga saya yang lain masing-masing mempunyai tanggungan mereka sendiri," tegasnya.

PERKASAKAN PROGRAM PENGAJIAN DI FAKULTI

Diam tak diam, 15 tahun bertugas di UPSI, Dr. Jaffry, sebagai dekan hari ini sedang menyusun strategi untuk memantapkan lagi pengurusannya di fakulti. "Pertamanya kita akan perkasakan program-program pengajian yang ada di fakulti. Di UPSI kita semua tahu, *niche* utama universiti adalah pendidikan. Pendidikan ini menjadi asas terhadap penerapan ilmu kepada *grass-root* iaitu para pelajar di sekolah. Guru-guru inilah yang akan membentuk sahsiah pelajar-pelajar sekolah supaya minat terhadap bidang sukan selain mengembangkan aktiviti-aktiviti sukan di sekolah," jelasnya.

Tambahnya lagi, pada masa yang sama, pihak fakulti akan menyediakan pelbagai jenis kursus kemahiran dalam pengajaran terutama dalam bidang sukan agar para graduan melangkah keluar kelak, mereka sudah dipersiapkan dengan bekalan sijil yang diiktiraf untuk keperluan yang bersesuaian dalam industri.

"Misalnya baru-baru ini universiti telah menjalankan kerjasama dengan Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM). Kerjasama strategik ini memperlihatkan kewujudan akademi ragbi Malaysia di kampus yang akan melibatkan program dan kursus berkaitan pendidikan akan dilaksanakan di sini".

"Melalui perbincangan bersama kita akan menggabungkan modul-modul antara dua pihak untuk mengeluarkan sijil-sijil yang diiktiraf seperti sijil kejurulatihan tahap satu dan dua misalnya. Kita tak mahu apabila mereka sudah bergraduasi baru mereka mahu mencari sijil-sijil kemahiran, sebaliknya kita sediakan semasa tempoh pengajian mereka di sini. Di fakulti terdapat pelbagai kepakaran yang masih kurang diguna pakai untuk menjadi rujukan oleh industri luar. Bagaimanapun jika kita lihat trend semakin berubah sejak beberapa tahun lepas, pelbagai pihak mula mendekati diri dengan UPSI dan menjalinkan pelbagai usahasama seperti Majlis Sukan Negara (MSN) Perak untuk kita bantu persediaan SUKMA.

Kerjasama antara MSN misalnya melibatkan kepakaran nasihat

rundering daripada pensyarah, bagaimanapun kita turut menggalakkan penggunaan fasiliti seperti makmal dan infrastruktur di universiti sedikit sebanyak dapat membantu atlet-atlet ini untuk mencapai prestasi yang lebih baik," jelasnya lagi. Menurut Dr Jaffry lagi, dengan adanya Pusat Sukan di Kampus Sultan Azlan Shah, sekaligus memberi nilai tambah terhadap sistem sokongan yang lebih kuat kepada peningkatan prestasi mereka.

UNIVERSITI BUKAN 'KUBUR' ATLET

Terdapat banyak persepsi masyarakat di luar sana yang mempunyai pandangan skeptikal apabila seseorang atlet mula menjejaki universiti maka berkuburlah zaman atlet. Melihat kepada isu ini, Dr. Jaffry sedang cuba melihat apakah potensi yang dapat dibangunkan untuk mengembangkan lagi potensi atlet sebaik menjadi warga universiti.

"Ramai ibu bapa tidak memahami bahawa di universiti merupakan medan pengembangan potensi para atlet kerana kemudahan dan sokongan seperti insentif serta biasiswa jika berjaya meraih kejayaan pada suatu peringkat mahupun acara. Pelbagai penjimatan, faedah dan pengiktirafan dapat mereka raih. Mungkin persepsi ini didorong oleh beberapa halangan atau persepsi pertubuhan di peringkat negeri yang tidak mahu kehilangan atlet mereka. Sangkaan mereka, sebaik atlet ini menjejakkan kaki ke menara gading, maka segala khidmat bakti mereka

hanya di sini. Sangkaan ini ternyata meleset kerana atlet ini tidak pernah dihalang menyertai mana-mana kejohanan tanpa melanggar polisi universiti," jelasnya. Mungkin mekanisme yang lebih berkesan perlu ditimbal balik sementelah terdapat kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian serta keanjalan pengajian lebih relevan.

"Malah dengan sistem pengajian campuran secara bersemuka dan secara atas talian ditambah lagi menerusi pembangunan sistem MyGuru oleh pihak ICT UPSI memungkinan pelajar atlet ini belajar berdasarkan modul-modul yang bersesuaian dengan jadual mereka," jelasnya lagi.

"Bukan itu saja, dengan pelbagai kerjasama melibatkan persatuan sekaligus menjadikan UPSI sebagai pusat rujukan, serta memberi pelbagai penawaran kursus selain pusat latihan dan ujian makmal. Saya merasakan dengan banyak jalinan hubungan kerjasama sekaligus dapat membawa kepakaran fakulti dengan lebih ke hadapan," tambahannya lagi yang turut melihat potensi di fakulti dengan cuba menarik seramai mungkin atlet di peringkat kebangsaan menerusi pemindahan ilmu dan kepakaran.

Sarang Art Hub

- Peninggalan berharga Allahyarham Sutradara Mamat Khalid



Oleh
Rami bin Masmin
ramli_m@upsi.edu.my

Jarak yang hanya mengambil masa sekitar 45 minit hingga satu jam jika menggunakan pengangkutan darat melalui Lebuh Raya Utara Selatan dari Kuala Lumpur ke Tanjung Malim yang merupakan salah sebuah daerah di negeri Perak

paling selatan. Ditambah dengan kemudahan pengangkutan awam lain yang sangat mudah didapati seperti bas, komuter dan teksi, namun masih tidak mampu memberikan daya tarikan kepada warga tempatan untuk menjadikan Tanjung Malim sebagai salah satu destinasi yang menarik untuk

dikunjungi. Daerah ini kekal kelihatan sepi untuk dikunjungi oleh warga kota.

Namun begitu persepsi Tanjung Malim yang serba sepi tanpa lokasi yang menarik untuk dikunjungi semakin berkurang dengan beberapa lokasi menarik mula dibuka dan dibangunkan termasuklah Sarang Art Hub. Ia dibangunkan oleh Sutradara terkenal Allahyarham Mamat Khalid yang juga merupakan adik kepada Dato' Lat yang juga merupakan pelukis terkenal di negara kita. Berita sedih telah mengemparkan bumi Muallim baru-baru ini apabila sutradara terkenal ini menghembuskan nafas terakhir akibat komplikasi jantung. Arwah mengusahakan Rumah Rehat Tanjung Malim selepas menandatangani perjanjian pajakan rumah rehat antara syarikat milik arwah, Enjit Semut Sdn. Bhd. dengan Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM) pada tahun 2015.

Pusat seni atau Sarang Art Hub yang diusahakan arwah turut mendapat kerjasama dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan









Tempatan ketika itu untuk diuruskan sebagai pusat seni. Rumah rehat itu terus berubah wajah namun struktur bangunan tidak berubah dan masih mengekalkan ciri binaan lama.

Sejak itu, Sarang Art Hub yang dibangunkan arwah juga menjadi tumpuan pencinta seni termasuk artis tanah air sehingga pekan Tanjung Malim yang sebelum itu agak sepi terutama pada waktu malam mula menjadi tumpuan orang ramai.

Jadi, tidak hairanlah pemergian beliau bukan sahaja menjadi satu kehilangan besar kepada industri perfileman negara malah, buat

penduduk di sekitar Tanjung Malim.

Selain membangunkan Sarang Art Hub, arwah juga telah menjadikan beberapa lokasi di kawasan sekitar sebagai lokasi penggambaran untuk beberapa filem dan drama yang menjadi bualan sebagai peminat seperti siri drama setiap kali menjelang bulan puasa iaitu 16 Puasa, 17 Puasa, Manap Karaoke dan lain-lain. Secara tidak langsung dari sebuah pekan kecil yang kurang mendapat perhatian, kini nama Tanjung Malim mula meniti di bibir masyarakat sebagai antara beberapa lokasi yang menarik untuk dikunjungi.

Menurut isteri arwah Mamat Khalid yang mesra dipanggil Kak Intan, anaknya akan meneruskan legasi dan usaha yang telah dilakukan oleh arwah melalui drama ataupun filem serta pengurusan Sarang Art Hub. Walaupun seluruh keluarga masih merasakan saat sukar setelah kehilangan insan tersayang, dalam masa yang sama mereka tetap bersemangat untuk meneruskan kerja-kerja hasil peninggalan arwah termasuk filem-filem yang belum diselesaikan.

Semoga segala apa yang sedang diusahakan oleh keluarga arwah Mamat Khalid akan berjaya dan seterusnya menjadikan bandar Tanjung Malim ini akan terus semakin popular dan dikenali dan menarik untuk dikunjungi.

Perpustakaan Tuanku Bainun

Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) mempunyai sejarah panjang yang cukup menarik dan menjadi satu-satunya jabatan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang diwarisi dari era pentadbiran Sultan Idris Training College (SITC) iaitu sejak tahun 1922.

Menyingkap sejarah awal penubuhannya, perpustakaan ini dibangunkan oleh Pengetua pertama SITC iaitu O.T. Dussek dan dikenali dengan nama 'Bilek Mak'lumat'. Ia beroperasi di sebuah bilik di tingkat atas bangunan pentadbiran yang dikenali sebagai Bangunan Suluh Budiman (BSB) (Kini Muzium Pendidikan Nasional).

Sepanjang 35 tahun beroperasi (1922-1957), pelbagai bahan bacaan dibawa masuk khususnya dari England dan Indonesia, malangnya banyak bahan bacaan ini hilang dan musnah semasa teretusnya Perang Dunia Kedua. Selepas kemerdekaan negara pada tahun 1957, nama SITC kemudiannya ditukarkan kepada Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dan seiring itu, perpustakaan ini turut berkembang dengan pembinaan bangunan perpustakaan yang baharu di belakang Bangunan Suluh Budiman (BSB) dan dinamakan sebagai Khutub Khanah MPSI.

Selaras dengan pertambahan program dan pelajar, keperluan terhadap perkhidmatan perpustakaan juga semakin bertambah. Pada tahun 1985, Khutub Khanah kemudiannya dipindahkan ke Dewan Makan Sekolah Abdul Razak (SDAR) yang diubah suai.

Apabila era MPSI berakhir pada 21 Februari 1987 berikutan tarafnya sebagai sebuah maktab ditingkatkan menjadi sebuah institut iaitu Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI), perpustakaan ini juga dijenamakan semula sebagai Perpustakaan IPSI namun sewaktu sambutan ulang tahun ke-73 SITC-IPSI, namanya ditukarkan kepada Perpustakaan Za'ba.

Selepas penubuhan UPSI (1 Mei 1997), tanggal 1 Januari 1998, operasi Perpustakaan Za'ba IPSI diambil alih sepenuhnya oleh UPSI. Sebagai langkah proaktif, UPSI membelanjakan lebih dari RM20 juta bagi mempelbagaikan dan melengkapkan koleksi bahan-bahan bacaan serta rujukan di perpustakaan. Selain itu, jumlah kakitangan turut meningkat dari empat orang kakitangan pada awal 1998 menjadi 59 orang pada tahun 2005. Dari jumlah tersebut 17 kakitangan merupakan



Perpustakaan dahulu sebelum berpindah ke bangunan sendiri

pekerja profesional yang terlatih dalam bidang kepustakawanan.

Pada tahun 1999 universiti meluluskan pembinaan sebuah bangunan baharu perpustakaan dengan keluasan lantai 13,063 meter persegi. Bangunan setinggi lima tingkat ini siap untuk diduduki pada tahun 2003 dan dilengkapi dengan lif untuk pengguna, kedai buku, ruang bacaan 24 jam, ruang bagasi, bilik perbincangan, auditorium, makmal latihan teknologi maklumat (IT), bilik mesyuarat, bilik tayangan dan surau serta ruang untuk menempatkan pelbagai jenis koleksi perpustakaan seperti Koleksi Monograf, Terbitan Bersiri dan Multimedia.

Bagi meningkatkan perkhidmatan, perpustakaan turut dilengkapi dengan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan dirangkaikan dengan UPSINet iaitu Perolehan Sistem ILMU (Integrated Library Management Utility) yang bertaraf dunia yang lengkap.

Perpustakaan baharu ini dimasyhurkan pada 8 Ogos 2007 bersamaan 24 Rejab 1428H dengan nama baharu iaitu nama yang dikenali sekarang, Perpustakaan Tuanku Bainun oleh Canselor pertama UPSI, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Bainun.

Pada tahun 2022, usia perpustakaan ini akan genap seabad,

seiring genapnya penubuhan SITC-MPSI-IPSI-UPSI yang ke-100 tahun yang akan disambut pada 29 November 1922.

Seiring waktu, PTB kini mempunyai seramai 70 orang kakitangan untuk optimumkan perkhidmatan di dua buah bangunan iaitu bangunan induk di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Tanjong Malim dan UPSI Digital Library di Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City, Perak. UPSI merupakan universiti awam pertama yang mempunyai bangunan perpustakaan digital sendiri. Perpustakaan Tuanku Bainun menempatkan pelbagai jenis koleksi seperti Koleksi Anak Kandung, Koleksi Pendidikan Malaysia,



Koleksi Tokoh, Koleksi Arkib Universiti dan Koleksi Sumber Media.

UPSI Digital Library pula menyediakan pelbagai kemudahan untuk pengunjung seperti Recreation Commons, Digital Learning Space, Reading Lounge, Tablet Reading Area, Kiosk Maklumat, Digital Library Hub, Bilik Perbincangan dan Perkhidmatan rujukan Kindle e-books. Melebihi tiga juta koleksi termasuk koleksi e-jurnal dan e-buku dapat diakses untuk kemudahan penyelidikan dan penggunaan.

Perpustakaan Tuanku Bainun akan meneruskan legasi kecemerlangan bermula dari zaman SITC-MPSI-IPSI-UPSI sebagai sebuah perpustakaan utama yang menjadi rujukan para cendekiawan, penulis, pejuang bahasa dan tokoh ternama negara.





Merentas ERA MPSI-IPSI-UPSI

Tiga Era Tiga Cerita Berbeza



Oleh

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

"Saya sekolah sampai tingkatan tiga je. Dua kali ulang lepas gagal kali pertama. Ayah suruh minta sebab ada jawatan kosong, saya *apply* lah rezeki saya dapat kerja".

Dari situlah bermula kisah Ellankoualan a/l Vellasamy di usia 16 tahun sebagai seorang budak pejabat (*Office Boy*) di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Tanggal 1 September 1979, anak kepada pasangan Vellasamy a/l Nallan dan Lechimee a/p Sinapaya ini melapor diri dan sejak itu karier beliau semakin berkembang sehingga kini.

Melihat raut wajah yang nampak "garang" itu, siapa sangka Ellankoualan yang dilahirkan pada tanggal 1 April 1963 di Hospital Tanjong Malim (kini dikenali sebagai Pusat Kesihatan Tanjong Malim) sangat mesra orangnya. Ellankoualan merupakan anak kelima daripada lapan orang adik beradik yang terdiri daripada empat lelaki dan empat perempuan. Ekspresi wajah yang sangat teruja semasa menceritakan kisah

bermulanya kehidupan di UPSI bumi bertuah ini. Beliau berasa bangga membesar di dalam kawasan UPSI sejak kecil kerana tinggal di dalam kuarters Sultan Idris Training College (SITC) memandangkan bapanya merupakan pemandu bas semasa era SITC.

KISAH KERJAYA

Daripada jawatan budak pejabat, pada tahun 1980-an, Ellankoualan bersama-sama jawatan pembantu lain telah dinaikkan taraf dan digredkan kepada Pembantu Am Rendah. Skop kerjaya sebagai seorang Pembantu Am Rendah pada ketika itu tidak memfokuskan kepada sesuatu bidang sahaja.

"Selama lebih kurang empat tahun, saya ikut Juruteknik Elektrik dan menjadi pembantu kepada mereka untuk memberikan khidmat di dalam semua kawasan UPSI sekiranya *blackout*, perkhidmatan tukar lampu dan *service aircond*. Semua kerja saya buat, orang suruh kita *repair*, kita *repair*".

Selepas itu, beliau menyambung perkhidmatan ke unit kamera dan video seterusnya ke bahagian komputer sebelum ke TechnoPen (pada masa itu telah bertukar ke UPSI) di blok IPSI/PTPM. Beliau telah ditugaskan untuk menjaga stor alat pinjaman barang-barang pengajaran seperti alat pandang dengar (OHP) dan alat bantu mengajar yang lain dan bertanggungjawab untuk menguruskan pinjaman barang-barang tersebut. Beliau menimba pengalaman lain apabila IPSI menaik taraf tempat kelas pembelajaran (*e-learning*) yang menyediakan perkhidmatan video boleh dikawal dari bilik kawalan dan mengambil gambar pelajar dan pensyarah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Apabila IPSI dinaik taraf kepada UPSI pada tahun 1997, beliau mendapat tawaran sebagai Penerbit Rancangan dan mula berkhidmat di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan sehingga kini.

MOTIVASI DALAM BEKERJA

"Bidang kerjaya yang kena dengan jiwa membuatkan saya seronok untuk bekerja setiap hari. Tambahan pula, saya dikelilingi kawan-kawan "satu kepala" dan inilah yang membuatkan saya kekal bersemangat. Merekalah tempat saya berkongsi masalah susah dan senang, masa ketawa kita ketawa, masa sedih kita sama-sama sedih," kata beliau.

"Kalau buat *event* mesti sama-sama turun. Masing-masing saling membantu untuk menjayakan sesuatu program. Bila ada rakan-rakan di sekeliling yang senang memberi kerjasama, itulah yang menjadikan saya lebih bermotivasi dalam bekerja."

SUMBANGAN

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau pada tiga era MPSI-IPSI-UPSI, banyak sumbangan yang telah ditaburkan.

"Saya pernah menjadi jurulatih bola sepak kepada pelajar-pelajar di peringkat sukan antara universiti ke Universiti Utara Malaysia dan sukan staf di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Saya juga aktif bermain sepak takraw pada waktu lapang bersama-sama staf dan pelajar."

Sepanjang perkhidmatan, beliau pernah mendapat dua

kali Anugerah Cemerlang. "Semasa zaman IPSI, selain wang saguhati, saya juga mendapat jam tangan yang siap berukir nama pada bahagian belakang dan masih berfungsi sehingga kini. Inilah antara barang kenangan yang tidak boleh dilupakan." katanya sambil menunjukkan jam tangan yang masih elok dipakai.

IMBAUAN MOMEN INDAH

Persekitaran maktab juga banyak berubah seiring peredaran zaman. Bangunan-bangunan lama telah dirobohkan bagi memberi laluan kepada infrastruktur yang baharu. Apabila banyak bangunan baharu dinaikkan, kemegahan semakin lama semakin pudar.

"Yang tinggal cuma rumah Zaaba dan sepatutnya ada tiga buah rumah berdekatan Fakulti Bahasa dan Komunikasi (kini), tetapi telah dirobohkan. Hanya sebuah rumah yang tinggal menjadi Rumah Alumni kini. Bangunan Tadahan, FBK, blok C dan D merupakan asrama kepada pelajar-pelajar maktab.

Banyak barang-barang tinggalan yang menjadi sejarah sehingga kini, antaranya ialah loceng agung.

"Loceng tu asalnya daripada besi landasan kereta api, tetapi digunakan sebagai

loceng untuk memanggil pelajar ke dewan makan. Kawasan sebelah garaj kenderaan terdapat sebuah kolam renang, tetapi telah ditutup disebabkan beberapa masalah yang timbul. Tetapi kat situlah tempat yang kami jadikan gelanggang sepak takraw!" Dahulu kawasan maktab dibahagikan kepada dua kawasan. Dewan Rahman Talib dahulunya merupakan Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR) yang menjadi pemisah kepada maktab dan pada tahun 1960, bangunan tersebut menjadi milik SITC sepenuhnya apabila SDAR telah berpindah ke Seremban, Negeri Sembilan. Pada tahun 1970-an, bangunan galeri seni dijadikan gimnasium dan panggung wayang. Setiap hari Jumaat, pihak maktab akan mengadakan tayangan filem kepada pelajar.

"Saya dan kawan-kawan masa tu budak-budak lagi. Tilam-tilam dari gimnasium akan ditarik dan dihamparkan sambil menonton filem. Itulah aktiviti zaman kanak-kanak yang menyeronokkan."

"Kawasan maktab dikelilingi pokok-pokok kelapa dan buah-buahan seperti rambutan, jambu, betik dan lain-lain. Setiap kali tiba musim buah-buahan bermula, kemegahan dapat dirasai apabila kami sentiasa berkumpul untuk menikmati buah-buahan hasil daripada

kebud dalam kawasan maktab."

PAHIT MANIS KEHIDUPAN

Apabila ditanya pengalaman pahit manis sepanjang bekerja, beliau berkongsi momen indah yang sememangnya akan kekal di ingatan.

"Pada zaman maktab, saya mengenali semua staf tidak kira pelbagai latar belakang dan pangkat memandangkan staf tidak begitu ramai. Hubungan kami juga akrab seperti adik-beradik. Kami tidak kekok berkongsi makanan dan pastikan semua dapat merasa. Hubungan akrab itu membuatkan saya tidak kekok untuk menjaga anak-anak staf ketika waktu melawat di hospital, sekiranya ibu dan bapa mereka dimasukkan ke wad. Hubungan tersebut berkekalan dan masih berhubungan sehingga kini."

"Takde kawan tak best!" Kata beliau sambil ketawa apabila bertanyakan tentang sahabat baik sepanjang perkhidmatan beliau. "Antara kawan yang paling rapat dengan saya ialah Zaid, Daud, Ibrahim, Maniam, Bala, Tugiman dan Zainab (sekadar menyebut beberapa nama), kami semua satu geng dari zaman maktab. Walaupun ramai di antara mereka yang telah pencen, tapi kami berhubung melalui ruangan sembang whatsapp,

jadi kemesraan itu masih wujud."

Keakraban yang tercipta tidak terhad kepada kakitangan sahaja, malah kemesraan itu wujud bersama pelajar pada waktu itu. Sehingga kini, masih ada bekas pelajar yang masih mengenali beliau termasuklah Naib Canselor UPSI kini yang merupakan anak kandung suluh budiman.

"Ni *court* takraw (sambil menunjukkan kawasan Richiamo). Hampir setiap hari, kami bersama pelajar akan turun bermain takraw bersama-sama. Dr. Zahuri (FSKIK) juga merupakan alumni IPSI selalunya akan menyertai kami bermain takraw bersama-sama."

FASIH BERBAHASA MELAYU

"Lokasi kuarters SITC dahulunya terletak tepi pagar bangunan E-learning. Majoriti jiran-jiran adalah berbangsa Melayu. Dalam adik beradik, saya seorang sahaja yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim (kini dikenali sebagai Bangunan Institut Peradaban Melayu) dan kawan-kawan semuanya Melayu, budak India sorang pun takde."

Tidak hairanlah lelaki berbangsa India ini amat fasih dan tidak kekok untuk berbicara bercampur dengan

loghat Perak yang agak pekat.

PERANCANGAN SELEPAS PENCEN

Ditanya perancangan Ellan selepas pencen, beliau hanya ketawa.

"Setakat ni saya takde apa-apa perancangan. Saya hanya mahu memfokuskan untuk terus menjaga ahli keluarganya. Kakak saya ketiga-tiga tidak berkahwin. Jadi, sayalah yang bertanggungjawab untuk menjaga mereka memandangkan ada di antara mereka mengalami masalah kesihatan."

HARAPAN KEPADA UPSI

Setiap orang mempunyai cara hidup dan cabaran yang berbeza-beza, yang penting jangan cepat menyerah kalah. Salah satu cara untuk melakukan pekerjaan dengan cemerlang ialah dengan cara buat dengan ikhlas. Paling penting, kita perlu menjaga hubungan di antara kawan-kawan untuk mengekalkan keharmonian dalam pekerjaan.

"Semoga UPSI terus maju dan terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang", katanya sebelum menamatkan bual bicara.

Kepimpinan Futuristik Mahasiswa Pragmatik, Zul Fikri berikrar gelas 'amanah berat'



Oleh

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Muhammad Zul Fikri bin Sallehuddin dilahirkan Kelantan tetapi dibesarkan di Temerloh, Pahang merupakan anak bongsu daripada tujuh adik beradik. Sejak kecil, beliau telah melalui kehidupan yang begitu sukar kerana telah

kehilangan ayah tercinta pada tahun 1996 ketika beliau baru berusia 9 bulan. Bermula waktu itu, ibunya bersendirian membesarkan adik beradik yang masih kecil.

Disebabkan keadaan latar belakang keluarga yang kurang berkemampuan, ketika berusia 10 tahun Zul Fikri terpaksa berpisah dengan ibu tersayang dan menumpang kasih di sebuah penempatan Anak-anak Yatim dan Miskin Nadwah

Permata Camar, Kuantan, Pahang sehingga berusia 17 tahun.

"Saya merupakan pelajar kelas pertama dan semasa Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), saya memperoleh keputusan 4A 1B di dalam peperiksaan dan pada ketika itu hanya dua orang pelajar yang mendapat keputusan cemerlang. Mencatat sejarah Permata Camar, hanya terdapat tiga orang sahaja yang memperoleh keputusan yang cemerlang dalam UPSR, termasuk diri saya sendiri."

Pada usia 13 tahun, beliau telah ditempatkan di Sekolah Rancangan Khas, yang mana sekolah tersebut merupakan sekolah yang menempatkan golongan pelajar yang memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Kemudian, ketika berusia 14 tahun, beliau berpindah ke Madrasah Diniyah Bakriah, Kelantan atas alasan minat yang mendalam untuk meneruskan pengajian dalam bidang agama dan meneruskan pengajian



sehingga usia 18 tahun, seterusnya meneruskan pengajian ke luar negara iaitu di Yaman selama setahun. Namun demikian, disebabkan berlakunya pergolakan di sana menyebabkan beliau terpaksa pulang semula ke Malaysia. Kemudian, beliau mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara berseorangan di Kolej Vokasional Kuantan. Beliau menyambung pengajian peringkat diploma di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Perak pada tahun 2016 dalam bidang Kaunseling Islami selama dua tahun setengah. Semasa di USAS, beliau memperolehi keputusan CGPA 3.89 secara keseluruhan. Beliau pernah menjadi Mentor kepada HEPA USAS. Kemudian pada tahun 2020, beliau telah menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana muda di UPSI dalam bidang Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) sehingga kini. Sikap yang suka belajar dan menitikberatkan akademik sejak dari kecil menjadi pendorong untuk mencapai kejayaan ke tahap sekarang.

BINGKISAN PENGALAMAN PAHIT MANIS

"Pengalaman paling manis sepanjang hidup saya apabila berpeluang bermusafir ke luar negara untuk meneruskan pengajian di Yaman ketika berumur 18 tahun. Saya mengambil kesempatan untuk

mengembara ke beberapa negara seperti Mesir dan Turki dan pada ketika itu saya pulang berseorangan dari Turki ke Malaysia sekali gus dapat membina jati diri sebagai seorang individu yang matang dan berdikari."

Pernah dirompak oleh orang Yaman semasa melakukan program di sana menjadikannya satu pengalaman yang sangat pahit untuk diingati. Kejadian berlaku ketika Zul Fikri dalam perjalanan ke tempat program, beliau telah ditahan oleh warga Yaman yang menyamar menjadi polis dan telah menculik dia dan rakannya dengan menaiki sebuah motosikal. Dalam perjalanan tersebut, mereka telah merampas dompet dan mengambil wang sebanyak 150 dolar. Mereka juga mengacukan pisau dan ingin merampas dompet sehingga menyebabkan berlaku sedikit pergaduhan demi menyelamatkan dompet semula.

BERPEGANG KEPADA AMANAH

Bergelar pelajar sekaligus menggalas jawatan Yang Di-Pertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPSI sesi 2021/2022 menjadikan beliau bijak menyusun masa dan menjadikannya berkualiti. Dalam hal ini, beliau melihat bahawa pendidikan dan jawatan bukan satu perkara yang boleh dipandang

mudah kerana ia merupakan satu kepentingan dan amanah untuk dilaksanakan. Beliau lebih mengutamakan perkara berkaitan pendidikan sekiranya mempunyai masa lapang di samping memberi fokus kepada kepimpinan berorganisasi seperti MPP UPSI.

Terpilih untuk mengetahui MPP sebagai YDP bukan kebanggaan tetapi rasa tanggungjawab yang sangat berat untuk dipikul. Beliau bertanding untuk jawatan ini atas saranan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEPA), Fakulti Pembangunan Manusia dan para penyarjang yang meletakkan kepercayaan di atas kepemimpinannya.

Secara umumnya, MPP membawa suara mahasiswa kepada pihak pentadbiran serta membawa solusi terhadap masalah yang dihadapi. Untuk kepimpinan kali ini, beliau dan barisan kepimpinan menginginkan jalan dan solusi kepada pihak pentadbiran dan mereka akan bersamasama pihak pentadbiran untuk menyelesaikan isu-isu dalam kalangan pelajar dalam masa yang sama ingin memperjuangkan suara-suara mahasiswa mengikut landasan yang benar berlandaskan konsep "Jalan Perdamaian". "Saya tidaklah mengimpikan jawatan sebagai YDP, namun begitu semasa bengkel MPP, rakan-rakan melihat

gaya kepimpinan saya dan potensi saya untuk menjawat jawatan tersebut di samping pegawai daripada HEPA juga menyatakan perkara yang sama di mana mereka menyatakan bahawa saya mempunyai karisma dalam memimpin dan mereka meletakkan kepercayaan kepada saya untuk menjawat jawatan YDP.”

Dalam meraih kepercayaan undi, beliau menjadi diri sendiri. Sikap beliau yang sangat ramah serta suka bergaul dengan semua orang dan perkara itulah yang menyebabkan rakan-rakan berasa selesa di samping sangat berkarisma dalam pembentangan, menunjukkan keyakinan dalam memberi pengucapan semasa bengelkel MPP dan dari situlah mereka melihat kebolehan yang dimiliki beliau sehingga mencapai undian tertinggi untuk jawatan YDP MPP.

Siapa sangka, dalam kesibukan mengejar cita-cita, Zul Fikri mempunyai minat memasak kuih tradisional seperti kuih keria, donut dan sebagainya. Beliau juga suka mencuba perkara baharu dalam bidang masakan seperti membuat kek dan sebagainya. Pada masa lapang, beliau juga suka bermain badminton bersama rakan-rakan seperjuangan dan memelihara seekor “Sugar Glider” yang menjadi binatang peliharaan kesayangannya.

KEPIMPINAN FUTURISTIK MAHASISWA PRAGMATIK

Memilih Kepimpinan Futuristik Mahasiswa Pragmatik sebagai MANIFESTO, beliau diminta untuk menjelaskan maksud tersebut.

“Futuristik itu membawa maksud ke hadapan. Jadi dengan maksud futuristik ini menunjukkan bahawa barisan MPP sidang ini bukan hanya sekadar pemimpin di UPSI namun di sinilah tempat kami membina kepimpinan untuk memimpin pada masa akan datang. Seterusnya kami akan menggunakan industri revolusi 4.0 sebagai medium untuk menyampaikan maklumat. Kemudian, gagasan futuristik bukan hanya sekadar melihat di sini sahaja tetapi melihat juga kepada wawasan akhirat di mana pada masa hadapan, kami mahukan satu kepimpinan yang melihat akhirat juga sebagai tempat untuk meraih pahala. Dengan itu, sekiranya kami melihat kepada akhirat, kami akan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh berdedikasi, amanah dan dengan penuh kesungguhan. Erti kata lain, kami menjadi pemimpin MPP untuk bekalan akhirat. Mahasiswa Pragmatik merupakan mahasiswa yang mempunyai jati diri dan dapat membangunkan sahsiah sehingga mereka melaksanakan sesuatu yang memberi kesan kepada diri mereka bersesuaian dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang ingin mewujudkan pelajar yang seimbang dan harmonis dari selaras dengan JERI. Dalam hal ini, kami para MPP mengharapakan kepimpinan kami dapat membentuk sahsiah

mahasiswa sehingga mereka melakukan sesuatu perkara yang memberi manfaat serta kesan terhadap masyarakat.

“Banyak perancangan yang akan dilakukan untuk memantapkan lagi barisan kepimpinan MPP UPSI. Antaranya ialah untuk menjaga kebajikan, menekankan pembangunan sahsiah dan melaksanakan program-program yang membina jati diri pelajar UPSI. Dalam hal ini, perancangan sebagai kepimpinan MPP iaitu ingin menerapkan elemen pembangunan sahsiah dalam diri MPP supaya dapat diterjemahkan kepada para pelajar. Selain itu, kami berazam untuk melahirkan kepimpinan yang kompeten untuk memimpin mahasiswa UPSI ke aras yang lebih baik dan menjadi jabatan kepada Kebitaraan Pendidikan bertetapan dengan jolokan Universiti Pendidikan No. 1 di Malaysia”.

ILMU BINA KEYAKINAN DIRI

“Dalam membina keyakinan, saya mesti memiliki ilmu yang baik supaya saya yakin terhadap perkara yang saya ingin lakukan. Kemudian, dalam membina keyakinan, saya tahu apa yang saya lakukan ini, di mana prinsipnya adalah benar dan saya melakukan sesuatu perkara berdasarkan prinsip tersebut.” Dalam menangani isu yang timbul, beliau akan menguruskan isu tersebut dengan baik dengan cara menyelesaikan isu pokok, supaya isu-isu ranting akan diselesaikan. Kemudian, sebagai barisan MPP akan bekerjasama bergerak kerja secara kolektif untuk menangani isu-isu yang

ada. Barisan MPP juga perlu mewujudkan hubungan yang baik antara pihak pentadbiran UPSI dengan pihak MPP supaya mereka dapat menyelesaikan isu yang timbul berlandaskan bidang kuasa daripada UPSI.

Dilahirkan dalam keluarga yang kurang berada menjadi pembakar semangat untuk Zul Fikri untuk terus membantu keluarga dan berpegang serta yakin 'dengan pendidikan yang boleh mengubah nasib keluarga.'

"Saya ingin membuktikan kepada orang di luar sana apabila melihat kepada keadaan saya yang tidak menghabiskan belajar di peringkat sekolah disebabkan meneruskan pengajian dalam bidang agama, ia tidak menafikan untuk kita menjadi seorang yang berjaya pada masa akan datang dan ia juga tidak menghalang kita untuk memiliki sifat kepimpinan seperti memjawat jawatan di MPP".

Seterusnya antara pembakar semangat seterusnya adalah ingin menjadi contoh teladan kepada adik-adik yang berada di penempatan Anak-anak Yatim dan Miskin Nadwah Permata Camar untuk terus bersemangat untuk menggapai sesuatu kejayaan. Dalam hal ini, kehidupan yang susah tidak menghalang seseorang untuk meraih kejayaan pada masa akan datang.

NASIHAT UNTUK BERJAYA

"Nasihat saya kepada pelajar dan bakal pelajar sekiranya ingin berjaya, anda perlu mempunyai matlamat yang jelas dalam hidup. Anda juga perlu menerapkan elemen kerohanian yang tinggi dalam tinggi, kerana ingin menjadi pelajar cemerlang perlulah menyeimbangkan elemen

JERI dalam diri selaras perkara yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, anda perlu menghormati

guru yang memberikan ilmu, kerana keberkatan ilmu itulah yang menjadikan seseorang itu berjaya dalam kehidupan. Tidak lupa, anda wajib menghormati ibu bapa dan rakan-rakan juga perlu dititikberatkan. Dalam hal ini, keberkatan hidup bergantung kepada redha ibu bapa".

Beliau berharap UPSI dapat melahirkan ramai guru yang berkualiti dan bersih dalam mendidik anak bangsa. Pentadbiran UPSI juga perlu menjalinkan hubungan yang baik dan memberikan kerjasama, supaya sama-sama berganding bahu dengan MPP dalam mengetengahkan dan menyelesaikan isu mahasiswa sekaligus memberikan impak serta sumbangan kepada pembangunan modal insan UPSI.



WARGA KITA... DI SEBALIK PROFESION




Kambing
APIZ SADANG

PEMBEKAL KAMBING
KENDURI / KAHWIN / O...

KAMBING
(SIAP SEMBELI)

- PAKEJ MASAK KARI/K...
- PAKEJ KAMBING GOLE...
- PAKEJ KAMBING GOLE...
- PAKEJ KAMBING SLICE...
- KAMBING PERAP



UNTUK TEMPAHAN

 012-437 63...

 Apiz Sadang

 Apiz Sadang

KAMI PERMUDAHKAN

Minat Luar Biasa, Yeop Sadang tidak Kekok Bergelumbang dengan Najis Haiwan



Oleh
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Rutin lelaki ini bermula seawal pagi setiap hari dengan memberi ternakan makan sebelum memulakan tugas hakiki sebagai seorang kakitangan di UPSI. Beliau perlu bijak menguruskan masanya setiap hari bagi memastikan jadual dan aktiviti seharian tidak terganggu. Katanya, sejak dulu lagi dia sudah terbiasa melakukan banyak pekerjaan dan rutin itu menjadi keutamaan hidupnya.

Mohd Alhaziz bin Shamsuddin nama diberi, dilahirkan pada 9 Julai 1985 di Kampung Sadang, Parit, Perak merupakan seorang Pembantu Operasi di Fakulti Teknikal dan Vokasional (kini). Beliau juga yang lebih dikenali sebagai Yeop, Sadang, Ate, Apiz Sadang atau Apiz ini merupakan seorang yang berjiwa besar dan bercita-cita tinggi untuk mencapai impian yang diidamkan.

"Nama gelaran Sadang berasal dari nama Kampung Sadang, tempat saya dilahirkan dan dibesarkan,"katanya.

Beliau yang telah mendirikan rumah tangga bersama Nuramalina Abdul Karim dan dikurniakan empat orang cahaya mata yang kesemuanya lelaki.

PENGALAMAN BEKERJA

Sebelum memulakan kerjaya di UPSI pada Mei 2008, pelbagai jenis pekerjaan yang telah dilakukan demi mencari rezeki dan pengalaman bekerja.

"Dulu, cabaran nak mintak kerja tu banyak. Setiap hari Ahad, mesti beli surat khabar Mingguan Malaysia dan Berita Minggu. Dapat kerja UPSI ni pun lepas mohon dalam surat khabar itu jugak. Dalam masa yang sama, saya juga mohon kerja dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah, semua tempat saya cari kerja. Maklumlah, kelayakan akademik kurang bagus. Semasa temuduga, saya bercakap loghat Parit, semua penemuduga ketawa. Alhamdulillah rezeki saya sudah dijanjikan di UPSI," katanya.

"Setelah tamat zaman persekolahan, saya bekerja sebagai tukang cuci di Hospital Batu Gajah secara kontrak dan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sepanjang perkhidmatan selama lebih kurang dua tahun. Saya juga pernah menimba pengalaman sebagai tukang kebun di sekolah, dalam masa yang sama saya menoreh getah dan bekerja di 7 Eleven. Demi kelangsungan hidup, saya perlu membahagikan masa untuk melakukan tiga pekerjaan dalam masa serentak," ujarnya sambil ketawa.

"Semasa berusia 19 tahun, saya pernah menjalani latihan ketenteraan di maktab tentera Port Dickson, Negeri Sembilan selama lebih kurang enam bulan. Disebabkan kecederaan yang dialami iaitu patah kaki semasa bermain bola sepak, saya terpaksa berhenti disebabkan peraturan ketika itu menyatakan sekiranya berlaku kecederaan semasa tempoh latihan, pelatih secara automatik *disqualified*," sambungnya lagi.

Walaupun sibuk bekerja, beliau juga sangat aktif terlibat dalam sukan.

"Saya memang suka bersukan. Dulu saya sangat aktif dalam sukan bola sepak. Tapi sekarang dah *slow* disebabkan kecederaan sewaktu perlawanan mewakili UPSI. saya juga pernah menyertai kejohanan Bot Naga (*Dragon Boat*) peringkat UPSI," katanya.

BIDANG PENTERNAKAN SEBATI DALAM DIRI

Bergelumbang dengan najis haiwan dan menguruskan lembu-lembu dan kambing biri-biri peliharaan sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan kerana minat yang terlalu mendalam dalam bidang penternakan. Beliau mengakui bidang penternakan sudah sehati dengannya, apatah lagi beliau merupakan generasi keluarga yang bergelar penternak.

"Saya diberi pendedahan dengan kegiatan penternakan itu sejak kecil menyebabkan ia sehati dengan kehidupan kami sekeluarga. Itulah antara sebab kenapa jiwa penternakan dan pertanian sangat dekat dalam diri saya," katanya.

"Saya mengusahakan pembiakan lembu dan kambing biri-biri. Terdapat dua kandang yang mana satu kandang berada di kampung, di Parit bagi proses pembiakan lembu dan kambing biri-biri. Sekarang, bilangan lembu dan kambing biri-biri yang dibiakkan telah mencecah 40 ekor. Kandang di Tanjong Malim untuk proses transit haiwan-haiwan tersebut. Kambing biasanya diimport daripada Thailand, Indonesia serta Myanmar manakala lembu peliharaan kebanyakan lembu tempatan. Tetapi, sekiranya permintaan yang tinggi, saya juga mengimport lembu-lembu dari Thailand.

"Sekarang, banyak masa dihabiskan dengan di kandang transit lembu dan kambing biri-birinya yang terletak berhampiran Teratak Riverview. Kandang tersebut boleh memuatkan 25 hingga 30 ekor ternakan dalam satu-satu masa. Haiwan-haiwan yang telah matang akan disembelih mengikut permintaan. Setiap bulan, hampir 20 ekor haiwan ternakan akan disembelih dan permintaan akan semakin meningkat pada musim perkahwinan," ujarnya lagi.

"Saya mengupah pekerja untuk menjaga kandang

penternakan di kampung. Saya menggajikan adik ipar untuk menjaga lembu dan seorang kawan untuk menjaga kambing biri-biri peliharaan. Saya juga pernah diuji dengan kematian kambing peliharaan yang telah diserang penyakit, masa itulah perniagaan ini jatuh. Namun, saya tidak berputus asa dan telah bertukar kepada penternakan kambing biri-biri yang diusahakan bersama seorang kawan. Saya membeli induk baharu dan membiakkannya semula. Kambing biri-biri mempunyai daya ketahanan yang kuat berbanding kambing biasa," katanya lagi.

Jelas anak kedua dari tiga adik beradik itu, walaupun mempunyai pekerjaan tetap dan stabil, bidang penternakan memberikannya kepuasan berbeza.

KAMBING GOLEK SADANG

Tidak cukup dengan bidang penternakan, beliau mengembangkan lagi bidang perniagaan kepada bidang catering kambing golek yang dikenali sebagai 'Team Kambing Golek Sadang D'Ban'. Beliau menjadi pembekal kambing golek bagi majlis akikah, kenduri kahwin, rumah terbuka dan pelbagai acara.

"Idea tersebut timbul bermula selepas penternakan kambing biri-biri semakin berjaya. Saya cuba untuk mengkomersialkan lagi produk berasaskan kambing. Bereksperimen dengan carian di internet, saya mencipta resepi bahan perapan beserta

sos *blackpepper* dan cara mengendalikan kambing golek. Saya juga beberapa kali telah mengikut rakan menyediakan kambing golek dan itulah peluang untuk saya menimba pengalaman. Dari situlah saya belajar membuat kambing golek sendiri.

Perusahaan kambing golek beliau telah memasuki tahun keenam. Pelanggan bukan sahaja di sekitar Tanjong Malim, tetapi meluas sehingga ke Daerah Manjung, Ipoh, Tapah dan Hulu Selangor mengikut permintaan pelanggan.

"Permintaan yang tinggi untuk kenduri kadang kala menyebabkan kami tidak menang tangan untuk menguruskan tempahan. Pada masa itulah, kami akan dibantu oleh saudara dan rakan-rakan yang lain sekaligus dapat membantu mereka menjana pendapatan. Kami memperoleh kepuasan apabila mendapat pujian daripada pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan kami," jelasnya lagi.

Selain penternakan, beliau juga mempunyai kemahiran dalam pertukangan. Kemahiran yang ada dalam diri beliau itu digunakan dengan sebaik mungkin dengan mendirikan kandang ternakan sendiri tanpa bantuan orang lain.

"Saya juga mengusahakan kolam ikan talapia dan keli di kampung dan berhampiran kandang ternakan di sini (Tanjong Malim) tetapi sudah

habis musim tuaian. Buat masa sekarang tumpuan lebih kepada penternakan kambing biri-biri. Saya juga sedang dalam proses untuk membina kandang baharu yang dilengkapi sistem kamera litar tertutup (CCTV) termasuk menyediakan tempat penyembelihan yang lebih sistematik tanpa mengupah orang lain," tambah beliau lagi.

PENAT LELAH YANG TERBAYAR

Hanya menggunakan modal sendiri, penternakan lembu dan kambing biri-biri yang diusahakan ini tidak pernah mendapat bantuan kerajaan atau pinjaman daripada mana-mana bank.

"Tanah yang menjadi tapak penternakan di sini merupakan tanah yang di sewo, manakala kandang ternakan di kampung adalah tanah rezab tol yang disewa dengan pejabat tanah setelah

mendapat kelulusan daripada exco kerajaan," jelasnya.

Tawaran daripada seorang rakan supaya mendapatkan peruntukan Usahawan Bimbingan Jabatan Veterinar bagi memperhebatkan lagi perniagaan kambing golek tidak dilepaskan beliau. Jabatan Veterinar telah menyediakan peruntukan berbentuk peti ais dan memberi suntikan modal dengan cara pembahagian keuntungan 7:3.

"Sekarang, saya menjadi anak angkat kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Tapah. Sekiranya terdapat acara, kursus dan ekspo yang dianjurkan oleh JPV Muallim atau Tapah berkenaan aktiviti penternakan, saya pasti tidak lepaskan peluang. Selain itu, saya juga mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar berkenaan penyakit, pengurusan ladang dan rawatan ternakan", katanya lagi.

PERANCANGAN

Permintaan yang tinggi dan memberangsangkan meyakinkan beliau untuk membesarkan dan mengembangkan bidang penternakan lembu serta perkhidmatan catering kambing golek supaya lebih maju dalam tempoh terdekat dan melihat bidang penternakan ini sebagai kerjaya yang menyeronokkan serta menguntungkan.

"Mungkin dalam tempoh 10 tahun lagi saya menetapkan untuk bersara lebih awal. Bergantung kepada keadaan, sama ada masih bertahan dan boleh menggajikan pekerja. Dalam kehidupan ini, kita perlu yakin dan redha dengan apa yang kita buat. Paling penting, jangan bertangguh dalam melakukan apa jua pekerjaan. Niatkan semua rutin ini ikhlas kerana Allah Taala", tambahnya sebelum menamatkan perbualan.





“Teman nak kayuh sampai penceh”

– Kapten Rita kemudi pasukan basikal buru pingat untuk UPSI



Oleh
Rami Bin Moemin
rami.m@upsi.edu.my

KAPTEN RITA, panggilan sinonim dalam kalangan penggemar sukan basikal sama ada di dalam UPSI mahupun di daerah Muallim. Itulah nama panggilan kepada Ahmad Ritaudin Hamzah. Terkini punya panggilan nama baru hasil dari usikan teman-teman rapat dalam sukan basikal iaitu “Atuk”. Ini kerana beliau kini sudah punya cucu namun minat terhadap basikal sangat tinggi dan tanpa batasan. Siapa berani mencabar kehebatan beliau pasti akan menyesal diakhirnya. Ini kerana jika di peringkat UPSI tiada pencabar lagi yang mampu

mengalahkannya sama ada dalam acara basikal MTB ataupun acara basikal lebuhraya. Jadi tidak hairanlah selama enam tahun berturut-turut beliau menjuarai acara basikal kategori lelaki veteran tanpa ada pencabar yang betul-betul mampu memberikan saingan kepadanya.

Dalam usia mencecah 49 tahun, Ritaudin menyatakan dia ingin ber kayuh dan terus menyumbang bakti dan pingat buat UPSI. Sebolehnya sehingga beliau berpenceh.

ZAMAN REMAJA

Minat ini bukannya baharu dibina, sebaliknya minat ini datang saat remaja lagi. Anak kelahiran Kampung Peraggap Temerloh, Pahang, ini mengakui sejak dari kecil agak degil dan nakal ditambah rumah kedua ibu bapanya bersebelahan dengan Sungai Pahang yang dijarakkan hanya beberapa meter sahaja. Ini diakui sendiri oleh penulis yang pernah mengunjungi rumah ibu bapa pelumba basikal UPSI ini. Berenang di sungai, lumba motor di kampung menjadi aktiviti wajib bagi beliau, hinggakan pernah semasa remaja ditangkap polis dan tinggal semalaman di pusat tahanan

sementara balai Polis kerana terlibat dalam perlumbaan suka-suka dengan rakan sekampungnya.

MULA TUAI HASIL DALAM ACARA BERBASIKAL SELEPAS BERTUGAS DI UPSI

Setelah melakukan pelbagai jenis pekerjaan dan bertugas di beberapa organisasi termasuk Genting Highlands, Ritaudin akhirnya memilih UPSI sebagai destinasi untuk mencari rezeki terakhirnya sebagai pemandu. Di sinilah beliau meneruskan minat basikal dengan mengharumkan nama UPSI dengan memenangi pelbagai kejayaan sama ada di dalam dan luar UPSI. Beliau berkata, walaupun hanya menjawat jawatan pemandu, itu tidak menghalang dan membataskan beliau untuk menyumbang dan mengharumkan nama UPSI mengikut caranya sendiri. Antara kejayaan besar beliau ialah memenangi pingat emas, perak dan gangsa dalam beberapa Kejujutan SUKUM (Sukan antara Universiti) yang berlangsung di beberapa lokasi termasuk ketika UPSI menjadi tuan rumah SUKUM pada tahun 2017. Beliau menasihatkan semua kakitangan supaya menyumbang selagi terdaya

mengikuti kebolehan dan kepakaran masing-masing tanpa rasa rendah diri walaupun bukan menjawat jawatan utama di universiti. Ini akan menjadikan kita sebagai staf yang akan diingat dalam sejarah pembangunan UPSI. Beliau yang mempunyai tiga orang anak dan seorang cucu menyeru dan sangat menggalakkan sesiapa yang berminat menceburi bidang sukan ini supaya terlibat dengan serius di samping perlu disiplin diri yang sangat tinggi kerana ramai yang beliau kenali hanya bersemangat di peringkat awal sahaja. Yang penting jika hendak berjaya perlu latihan tanpa henti dan jadikan rakan pelatih yang hebat sebagai "sparing". Beliau kerap dilihat turun latihan bersama bekas pelumba basikal negara Mohd Nur Rizuan bin Zainal dan Shahrin bin Amir yang tinggal berdekatan dengan rumah beliau. Mohd Nur Rizuan bukanlah nama yang asing bagi penggemar sukan basikal kerana beliau adalah pelumba pasukan kebangsaan dan pasukan angkatan tentera malaysia. Banyak kejohanan yang disertai oleh beliau seperti Kejohanan Le Tour De Langkawi (LTDL), Jelajah Malaysia Jelajah Asia dan banyak lagi. Manakala Shahrin bin Amir pula merupakan tujuh kali juara Malaysia champion MTB. Oleh itu, Kapten Rita banyak menimba pengalaman dan belajar kaedah latihan yang betul daripada dua nama besar ini.

HARAPAN SEBELUM MENINGGALKAN SUKAN YANG DISAYANGI

Beliau juga mempunyai harapan agar pelapis kepada beliau dapat dicungkil sebelum beliau bersara daripada perkhidmatan agar UPSI terus digeruni dalam acara berbasikal. Penulis turut merasakan kata-kata beliau dengan menyaksikan sendiri semasa penyertaan awal UPSI dalam acara sukan berbasikal hanya dipandang sepi oleh pasukan universiti lain. Tetapi selepas Kapten Rita dan rakan sepasukan memenangi pingat emas berpasukan dan perak individu pada tahun 2016 di kejohanan Sukan Kakitangan Universiti di USIM, nama UPSI mula digeruni dan sentiasa menjadi perhatian pasukan lain dalam mana-mana kejohanan yang disertai. Rita mengakhiri perbualan dengan mencabar pelumba-pelumba UPSI untuk memadam rekod beliau sebagai pelumba paling lama memegang "tittle podium juara". Saya nak berkayuh hingga ke akhir hayat saya.



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان لدريس

UNIVERSITY EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TUNGGU TUNGGU BILIN
PEKAWAN DARUL ROZLAN
40 PENUMPANG
BDM 15000 KG
ETM 11250 KG



PENCAPAIAN AHMAD RITAUDIN DALAM ACARA BERBASIKAL

BIL	KEJOHANAN	PENCAPAIAN
1	2018-SUKUM di UMP	Gangsa Individu Veteran
2	2017-SUKUM di UPSI	Perak Individu Veteran
3	2017-SUKUM di UPSI	Perak Team Veteran
4	2016-SUKUM di USIM	Emas Team Veteran
5	2016-SUKUM di USIM	Gangsa Individu Veteran
6	2014 - 2019 - KUESTA UPSI (6 tahun berturut-turut)	Emas Individu Veteran
7	2020-Tempurung Challenge (Perak)	No. 5 Individu Veteran
8	2019- Varsity Cycling Challenge (Melaka)	No. 7 Individu Veteran
9	2019- Sintok International MTB Challenge (Kedah)	No. 8 Individu Veteran
10	2019- Matrix Challenge (Kelantan)	No. 3 Team Veteran
11	2019- Muntahak Outdoor Challenge (Johor)	No. 5 Individu Veteran
12	2019- Lendu Lasak MTB Challenge (Melaka)	No. 6 Individu Veteran
13	2019- Gedangsa Eco Challenge (Selangor)	No. 4 Individu Veteran
14	Malaysian Prison MTB Jamboree (Perak)	No. 7 Individu Veteran
15	2019- USIM MTB Challenge	No. 10 Individu Veteran
16	2018- Community College Challenge (Selangor)	No. 11 Individu Veteran
17	2018- Kellies Castle Batu Gajah Challenge (Perak)	No. 6 Individu Veteran
18	2018- Jelai International Duathlon (Kedah)	No. 5 Individu Veteran
19	2017- USIM onroad MTB Challenge (Negeri Sembilan)	No. 1 Individu Veteran
20	2017- Hello Merlimau Sawit Challenge (Melaka)	No. 4 Individu Veteran







UPSI
No.1
PENDIDIKAN



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپسي تي كنديديهين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS KELUARAN 12/2021 BIL. 13

Inspirasi